

PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DIAKUI, TETAPI BILA? ADAKAH AKAN BERLAKU SEGERA ATAU LEWAT?

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, yang telah bersidang pada hari Rabu dan Khamis 6 dan 7 Mei 1953 telah mengisytiharkan bahawa pilihan raya bagi Majlis Undangan Persekutuan akan diadakan di dalam masa yang tak berapa lama lagi. Sir Donald MacGillavary, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan dan juga Pengerusi Persidangan Majlis Mesyuarat itu telah membuat perisytiharan itu dengan mendapat sambutan yang bergembira terutamanya dari golongan wakil-wakil UMNO dan M.C.A. yang memang telah menzahirkan cita-cita mereka berkehendak pilihan raya itu dengan seberapa segera dan seboleh-bolehnya di dalam tahun 1954. Pendeknya pilihan raya persekutuan itu telah diakui akan diadakan akan tetapi masanya bila? Belumlah ditetapkan. Adakah yang demikian itu bererti suatu sambutan yang terdahulu kepada tuntutan UMNO-M.C.A. atau pun suatu tangkisan yang lebih dahulu bagi tuntutan UMNO-M.C.A. itu, inilah yang harus difikir.

(Oleh Abham)

Telah menjadi pengetahuan ramai bahawa UMNO-M.C.

A. telahpun menyusun asas-asas rancangan bagi pilihan raya persekutuan yang akan dituntut diadakan di dalam tahun 1954. Rancangan itu belumlah berupa susunan yang muktamad bahkan masih dihalusi oleh ahli-ahli kedua-dua pihak dan akan dibentangkan kepada segala pihak kaum dan pertubuhan-pertubuhan yang lain-lain di dalam suatu persidangan kongres yang dicadangkan hendak diadakan tidak berapa lama lagi bagi mengambil keputusan yang muktamad. Di situlah semua pihak kaum dan pertubuhan besar atau kecil akan dapat memberi fikiran dan suara di dalamnya kelak - suatu perbuatan yang bukan sahaja berdasar demokrasi tetapi juga terlalu bermurah hati dari pihak UMNO.

Datangnya perisytiharan kerajaan hendak mengadakan pilihan raya persekutuan itu di dalam masa dan keadaan yang demikian adalah pada zahirnya sebagai pucuk dicita ulam mendatang kepada UMNO - M.C.A. dan sesiapa juga yang berharap-harap kepada pilihan raya persekutuan itu diadakan dengan segera.

Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi Sir Gerald

Templer, adalah dikatakan telah bersetuju di atas perkara ini dan masing-masing, dikatakan telah bersefaham mengatakan bahawa masanya telah tiba untuk mengadakan sebuah Majlis Undangan yang mempunyai ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat negeri ini.

Masa belum tetap

Bagaimanapun perisytiharan berkenaan dengan perkara ini di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan itu, hanya baharu setakat mengadakan suatu peperiksaan atas soal yang berkenaan dengannya. Oleh itu masanya yang tetap sama ada pada tahun 1954 atau 1955 ataupun beberapa tahun kemudiannya tidaklah diketahui.

Adalah difahamkan bahawa Tuan Pesuruhjaya Tinggi akan mengadakan suatu rundingan yang lanjut dengan raja-raja Melayu berkenaan dengan melantik sebuah jawatankuasa dan kewajipan-kewajipan mereka kelak.

Tatkala mengumumkan perkara ini Sir Donald MacGillavary

telah menyatakan bahawa Tuan Pesuruhjaya Tinggi dan raja-raja Melayu, telah berunding berkenaan dengan fasal 65 dari Perjanjian Persekutuan yang bermaksud, “pada suatu masa kelak hendaklah diadakan undang-undang untuk mengadakan pilihan raya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Federal”. Dan mereka telah berpendapat bahawa masanya telah sampai untuk memeriksa soal-soal yang berkenaan dengan hal ini. Berkenaan dengan ini sebuah jawatankuasa akan dilantik untuk mengkaji dan menyelenggarakan soal-soal yang berkenaan dengannya. Setakat inilah sahaja sepanjang yang berkenaan dengan perisytiharaan itu.

Apa yang dikehendaki oleh golongan UMNO, telah nyata pilihan raya federal itu hendaklah diadakan di dalam tahun 1954. Sekiranya Tuan Pesuruhjaya Tinggi Sir Gerald Templer dan raja-raja Melayu telah bersetuju di atas masanya telah sampai bagi mengadakan sebuah Majlis Undangan yang mempunyai ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat negeri ini, itu, sesungguhnya masanya ialah tahun 1954. Tuan Pesuruhjaya Tinggi dan raja-raja Melayu akan menunjukkan sebenar-benar sedar di atas hal ini sebagaimana juga sedar di atas kehendak-kehendak rakyat akan tetapi sekiranya kehendak mengadakan pilihan raya persekutuan itu dilayan dengan janji yang tiada menentukan masa atau hanya setakat menubuhkan jawatankuasa itu sahaja adalah dikhuatiri beberapa masa bahkan tahun akan berlalu, sebelum pilihan raya federal itu dapat diadakan.

Oleh itu patutlah diberi suatu tempoh yang menjadi matlamat kepada jawatankuasa itu di dalam menyelenggarakan perkara ini dengan memandang kepada matlamatnya iaitu pilihan raya federal itu hendak diadakan di dalam tahun 1954 dan segala persediaan dan rancangan adalah menumpu ke situ.

Jawatankuasa itu harus akan mendapat banyak pertolongan daripada rancangan kertas putih UMNO-M.C.A. berkenaan dengan pilihan raya federal itu. Dengan adanya suatu panduan dari kertas putih itu, tiadalah

sukar bagi jawatankuasa hendak menyusun rancangan dan tiada akan mengambil masa yang panjang.

Sir Donald menerangkan bahawa sebarang cadangan-cadangan yang dibuat oleh sebarang pertubuhan politik atau kumpulan pertubuhan politik atau oleh sebarang pertubuhan-pertubuhan lain atau oleh sebarang orang bolehlah dihantar kepada jawatankuasa itu untuk dipertimbangkan.

Cara ini, memang bagus akan tetapi janganlah hendaknya, pertimbangan jawatankuasa itu akan mengambil masa yang panjang, jika tidak pun mengambil masa yang tidak berhad yang akan melengah-lengahkan pilihan raya federal sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat dan yang telah pun didapati telah sampai masanya, oleh Tuan Pesuruhjaya Tinggi dan raja-raja Melayu.

Gerakan Menteri-menteri Besar berjalan

Persidangan yang dianjurkan oleh Menteri-menteri Besar yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang itu, walau bagaimanapun telah dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan utu iaitu pada 27 April 1953. Peri berlakunya persidangan itu tiadalah begitu mustahak dipersoalkan akan tetapi cara jemputan dan kedudukan wakil-wakil atau kehadiran pertubuhan-pertubuhan dan diri seseorang itulah yang menjadi soal.

Persidangan itu telah tidak dihadiri oleh wakil-wakil UMNO, M.C.A. dan pertubuhan Parti Buruh Semalaya. Ketiga-tiga pertubuhan ini adalah mewakili sebahagian besar dari rakyat melata dan pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai besar pengaruhnya di negeri ini, dengan ketiadaan hadir tiga badan yang mewakili sebahagian besar, yang boleh dikatakan dari segenap golongan rakyat negeri ini. Adalah persidangan itu, pada erti mewakili rakyat, tidaklah menepati dan pada erti demokrasi tidak juga ada demokrasi di dalamnya.

Persidangan itu hanya dihadiri oleh pertubuhan-pertubuhan

kecil, sama ada yang berdasar siasah mahupun yang tidaknya dan kebanyakannya ialah dari orang-orang India. Yang lebih menjadi soal sekarang ialah sebahagian dari wakil-wakil yang hadir itu tiada mewakili mana-mana pertubuhan melainkan hadir atas nama mereka sendiri kerana mereka dijemput hadir bagi pihak dirinya sendiri tetapi yang sebenarnya kehadiran mereka telah tertarik dengan berbagai-bagai pengaruh dan usaha pihak yang menariknya itu adalah bukan sahaja untuk mempertunjukkan kepada ramai yang persidangan itu mendapat sambutan ramai tetapi juga untuk mendapat suara menyokong, walaupun di antara orang-orang yang bersendirian yang dijemput itu bukan ahli siasah dan orang yang tiada tahlul hal ehwal siasah sama sekali.

Pendeknya gerakan Menteri-menteri Besar yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang itu adalah sedang berjalan. Gerakan Menteri-menteri besar itu tidak akan terhenti dengan persidangan pada 27 April yang lalu itu ataupun persidangan-persidangan yang akan diadakan di belakang lagi kelak akan tetapi sudah tentu tiap-tiap seorang Menteri Besar akan mempunyai partinya sendiri sebagaimana contohnya telah ditunjukkan oleh Dato' Gantang Perak dengan wujudnya parti kebangsaan Perak itu. Begitulah akan wujud parti kebangsaan Kedah. Parti Kebangsaan Selangor. dan lain-lainnya dan semua parti ini akan bercantum kepada sebuah badan pusat kelak.

Hendak membunuh.

Sebagaimana yang diketahui bahawa Dato' Panglima Bukit Gantang sedang mensifatkan dan memandang UMNO ialah sebuah pertubuhan kebajikan dan UMNO dikatakan sebuah pertubuhan perkauman dengan pandangan ini, UMNO harus tidak diberi peluang mengambil bahagian di dalam pilihan raya dan dengan jalan inilah UMNO hendak dibunuh dari wujudnya sebagai sebuah badan politik yang besar dan terpengaruh di negeri ini.

Hal yang seumpama ini tidak mustahil akan berlaku, manakala gerakan-gerakan Menteri-menteri besar yang dipimpin oleh Dato' Gantang itu sedang merupakan desakan kepada demikian.

Memandang kepada keadaan ini adalah dikhuatirkan bahawa pilihan raya yang dijanjikan itu, sekalipun jika diadakan dengan segera akan tetapi, harus dengan suatu sebab atau lainnya UMNO tidak akan diberi peluang bertanding kelak. Yang demikian adalah serupa sebagai membuka pintu rumah tetapi pintu pagar ditutup. Perkara ini terpulunglah kepada bijak pandai pemimpin-pemimpin UMNO dan perdirian ahli-ahlinya sekalian dan orang ramai Melayu.

Peluang kepada *opportunist*

Seperkara yang tak dapat dinafikan di dalam gerakan-gerakan siasah yang berlaku di tanah air sekarang, terutama yang dianjurkan oleh Menteri-menteri Besar itu, ialah peluang sedang terbuka kepada orang-orang yang sentiasa merebut-rebut peluang atau *opportunist*. Di dalam perjumpaan pada 27 April di Kuala Lumpur itu, bolehlah dinampak kebanyakan yang hadir itu, terutama orang-orang yang tidak mewakili mana-mana pihak melainkan ialah dirinya sendiri itu dari orang-orang yang berharap akan mendapat faedah bagi dirinya jua.

Inilah orang-orang Melayu dan rakyat Tanah Melayu mesti perhatikan. Tiap-tiap gerakan sesuatu pihak atau seseorang yang bertopeng kepada topeng kebangsaan Malaya dan kemerdekaannya janganlah hendaknya lekas dipercayai dan tertarik kepadanya. Soal buruk baik nasib bangsa Melayu masa hadapan adalah bergantung kepada gerak-geri tiap-tiap seorang Melayu sendiri pada hari ini dan orang-orang Melayu hendaklah tahu memilih gerak langkah yang sebenarnya berfaedah dan boleh menyelamatkan bangsa dan negara. Hendaklah tahu membezakan seseorang yang sebenarnya berkhidmat dan berjuang kerana tanah airnya dengan seseorang yang semata-mata bersikap *opportunist*. Ingatlah jangan kerana pengaruh maslahat seseorang itu, orang-orang Melayu amnya rugi dan kecewa.